



Notis

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-36

DENGAN INI ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke Tiga Puluh Enam akan diadakan di Auditorium, Tingkat 3, Bangunan Malaysian Re, No. 17, Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur pada hari Jumaat, 28 Ogos 2009 jam 3.30 petang bagi tujuan mengendalikan urusan-urusan berikut:

SEBAGAI URUSAN BIASA

1. Untuk menerima dan meluluskan Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Mac 2009 bersama-sama Laporan Juruaudit.

(Resolusi Biasa 1)

2. Untuk melantik semula Pengarah-Pengarah berikut yang bersara menurut Artikel 86, di bawah peruntukan Tataurusan Pertubuhan Syarikat:

- (i) P. Raveenderen

(Resolusi Biasa 2)

- (ii) Dato' Syed Ariff Fadzillah Syed Awalluddin

(Resolusi Biasa 3)

- (iii) Datuk Mohd Khalil Dato' Mohd Noor

(Resolusi Biasa 4)

3. Untuk meluluskan bayaran imbuhan para Pengarah sebanyak RM700,300 bagi tahun berakhir 31 Mac 2009 (2008: RM738,300).

(Resolusi Biasa 5)

4. Untuk melantik semula Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit dan membenarkan para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka.

(Resolusi Biasa 6)

5. Untuk mengendalikan sebarang urusan lain yang perlu dijalankan di Mesyuarat Agung Tahunan.

SEBAGAI URUSAN KHAS

Untuk mempertimbangkan dan jika difikirkan wajar, meluluskan Resolusi berikut, dengan atau tanpa sebarang perubahan:

6. Cadangan Pindaan Tataurusan Pertubuhan Syarikat.

“BAHAWA, pindaan Tataurusan Pertubuhan Syarikat seperti yang dibentangkan dalam **Lampiran 1** Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 30 Julai 2009 adalah dengan ini diluluskan”.

(Resolusi Khas 1)

Dengan Perintah Lembaga

NORAZMAN HASHIM (MIA 5817)

LENA ABD LATIF (LS 8766)

Setiausaha-Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

30 Julai 2009

NOTA:

1. Seseorang ahli yang berhak hadir dan mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan adalah berhak untuk melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seseorang proksi itu tidak semestinya seorang ahli Syarikat. Suratcara pelantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis, dan, sekiranya dia seorang individu, mestilah dengan dimeterai atau ditandatangani bagi pihaknya oleh peguamnya atau pegawai daripada Syarikat yang diberi kuasa. Semua borang proksi yang lengkap hendaklah dihantar kepada Pejabat Pendaftar Syarikat, Symphony Share Registrars Sdn. Bhd., Tingkat 26, Menara Multi-Purpose, Capital Square, No. 8, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur tidak kurang daripada 48 jam sebelum masa yang ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Tahunan atau sebarang penangguhannya.

2. **Nota penjelasan berhubung Resolusi Khas 1 di bawah Urusan Khas:**

Resolusi Khas yang dicadangkan di bawah perkara 6 keseluruhan Agenda, jika diluluskan, akan menyelaraskan Tataurusan Pertubuhan Syarikat dengan Keperluan Penyenaraian Bursa yang telah dipinda dan untuk memastikan kejelasan dan keseragaman keseluruhan Tataurusan Pertubuhan. Maklumat terperinci berkaitan Cadangan Pindaan Tataurusan Pertubuhan dibentangkan dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 30 Julai 2009.